

TARIKH	19 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	NASIONAL



● SAIRIEN NAFIS | BERITA HARIAN

MOHAMMAD SAIMI (kanan) bersama Zabidi (tengah) dan Mohd Rafizi membuat pemilihan bagi pertandingan Saya Kenal Mereka TaHa@U di Balai Berita NSTP, semalam.

Siswa UKM juara

KUALA LUMPUR: Mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Norhamimi Abu Bakar, 21, memenangi tempat pertama pertandingan 'Saya Kenal Mereka' anjuran bersama Tabung Haji dan *Berita Harian* menerusi sisipan Varsiti.

Beliau meraih wang tunai RM200, tempat kedua dimenangi pelajar Kolej Islam Darul Ridzuan, Nur Aznida Azmi, 24, yang membolot wang tunai RM150; manakala tempat ketiga dengan hadiah wang tunai RM100 diraih pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kuala Pilah, Mohd Afiq Mohd Kamal, 20.

Pengurus Besar (Khidmat Pelanggan) Tabung Haji, Mohammad Saimi Mat Som, berkata semua pemenang termasuk 10 pemenang sagu hati yang memenangi wang tunai RM50 setiap seorang akan dimaklumkan secara rasmi menerusi surat.

Katanya, pertandingan itu bertujuan menggalakkan golongan muda terutama pelajar institusi

pengajian tinggi (IPT) mengingati semula tokoh Islam yang memberi sumbangan dalam pelbagai bidang.

"Kita tidak mahu nama tokoh Islam tenggelam dan dilupakan. Oleh itu, Tabung Haji bercadang mengadakan pertandingan dalam bentuk lain tahun ini terutama untuk ahli Kelab TaHa@U," katanya selepas memilih pemenang pertandingan itu bersama Penolong Pengarang Berita Pendidikan (Projek) Berita Harian, Zabidi Hitam dan Eksekutif Jualan dan Pemasaran Tabung Haji, Mohd Rafizi Masaat.

Kelab TaHa@U kini mempunyai lebih 120,000 ahli dan pelajar IPT yang menyertai kelab itu boleh mengikuti pelbagai program yang dianjurkan Tabung Haji.

Kelab itu ditubuhkan dengan tujuan memupuk semangat suka-rela dalam kalangan golongan muda dengan ahli akan dibawa mengikuti program seperti mengecat surau, membantu operasi jemaah haji di negara ini.